

## Reaksi



Banjir kilat yang berlaku kelmarin paling teruk pernah terjadi tahun ini apabila air naik lebih kurang tiga kaki (satu meter)”

**Azlan Zakaria,**  
Peniaga



Saya panik ketika air mula memasuki kereta sehingga paras pinggang dan terpaksa keluar RM1,000 untuk membaiki kereta ini”

**Norfaizah Mahmud,**  
Pelajar



Banjir semalam berkemungkinan disebabkan sampah sarap yang tersumbat di dalam longkang serta sungai”

**Jafri Jalaluddin,**  
Peniaga

# Pemaju culas pantau, urus sisa pepejal

→ Kelemahan pelaksanaan garis panduan cetus masalah saluran

## Kuala Lumpur

Sikap sambil lewa segelintir pemaju, khususnya dalam aspek pengurusan sisa pepejal dan bahan pembinaan dikenal pasti antara punca utama banjir kilat di ibu kota, kelmarin. Kenaikan paras air secara mendadak yang seakan menggamit episod bah besar di Kuala Lumpur pada 1971 itu dikatakan turut berpunca daripada kepincangan pemantauan oleh pihak berkuasa, terutama sepanjang proses pembinaan.

### Tatacara, piawaian pembangunan

Ketua Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung, Datuk Dr Dolbani Mijan, berkata pihak berkuasa tempatan (PBT) mempunyai tatacara dan piawaian pembangunan yang perlu ditepati pemaju.

Bagaimanapun, katanya, kelemahan aspek pelaksanaan garis panduan itu mencetuskan masalah saluran yang berpunca daripada ketidakseragaman saiz parit, sekali gus mengundang risiko banjir kilat.

“Kuala Lumpur ketika ini sarat dengan pelbagai projek pembangunan, namun pemantauan bagi memastikan setiap aspek pembinaan dijalankan mengikut proto-

kol kurang dititikberatkan.

“Apabila timbul masalah seperti banjir yang berlaku semalam (kelmarin), kita akan laksanakan plan penyelesaian bersifat *ad-hoc*, sedangkan punca utama banjir disebabkan masalah saluran air tersumbat umpamanya.

“Sehubungan itu, perlu ada plan menangani banjir yang lebih menyeluruh, termasuk memperkukuh aspek pelaksanaan tatacara pembangunan sebelum terlambat kerana Kuala Lumpur ketika ini ibarat bom masa,” katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

### Lambakan pendatang asing


Penyarah Kanan Fakulti Sains dan Teknologi Inovasi Universiti Malaysia Pahang, Dr Wan Mohd Faizal Wan Ishak, berkata lambakan pendatang asing di Malaysia yang tiada kesedaran mengenai alam sekitar dengan membuang sampah sesuka hati adalah antara punca sistem perparitan tersumbat.

Katanya, penempatan warga asing yang tertumpu di ibu kota kerana bekerja dalam industri pembinaan, kilang dan pasar sering menimbulkan isu pembuangan sampah di dalam sungai.

“Angkara jalan mudah ini, sungai akan menjadi cetek manakala sistem saluran dan perparitan akan tersumbat, sekali gus menyebabkan banjir kilat,” katanya.

Wan Mohd berkata, PBT sewajarnya melaksanakan kajian pemetaan menggunakan Sistem Maklumat Geografi (GIS) bagi mengenal pasti aliran sungai tersekat berikutan lambakan sisa pepejal.

Selain itu, katanya, sistem amaran banjir perlu ditambah baik dan lebih tepat supaya orang ramai mempunyai masa mencukupi untuk menyelamatkan nyawa serta harta mereka.



**Kenderaan yang terperangkap** dalam banjir kilat di Kuala Lumpur kelmarin.



## Banjir besar di Kuala Lumpur

→ Tahun 1971, hampir 50 peratus Kuala Lumpur tenggelam kerana hujan selama seminggu tanpa henti.  
→ Darurat diisytiharkan.

→ 57 orang terkorban dan kerugian ditafsirkan mencecah RM85 juta.  
→ Suruhanjaya Tetap Kawalan Banjir ditubuhkan pada

tahun selepas banjir 1971.  
→ Kuala Lumpur turut dilaporkan banjir pada tahun 1931, 1947, 1954, 1957 dan 1967.

**Keratan akhbar BH** semalam.